



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

ROAD TO MAHA 2022 @ PROGRAM KHAS JUALAN TERUS DARI LADANG KELUARGA MALAYSIA (JTDLKM)

KUCHING, 16 Julai 2022 – Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) yang bakal diadakan pada 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang menyasarkan hasil jualan melebihi RM250 juta dengan kunjungan 100 ribu orang setiap hari.

Road to MAHA 2022 yang diadakan di Dataran Gedong, Sarawak ini adalah merupakan kesinambungan siri jelajah seluruh negara yang telah dimulakan pada 1 Julai lalu di MAEPS, Serdang. Tema penganjuran MAHA 2022 tahun ini iaitu '**Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan**' bertepatan dengan cabaran yang sedang dihadapi negara dan global ketika ini.

YBhg. Datuk Badrul Hisham Bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI berkata “Ini merupakan siri Road to MAHA ketiga dan seterusnya akan diadakan Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Timur dan di Zon Tengah iaitu di MAEPS sebagai destinasi terakhir bagi menghebahkan kepada orang ramai mengenai penganjuran MAHA 2022.”

Semestinya MAHA pada tahun ini amat dinantikan selepas empat tahun tidak diadakan kerana pandemik COVID-19. Hari ini kita dapat lihat pelbagai aktiviti promosi MAHA diadakan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan *fruit of the event* MAHA iaitu Keluarga Artocarpus seperti nangka, cempedak, sukun dan nangchem. Turut diperkenalkan iaitu sembilan menu makanan seperti Laksa Sarawak, Mee Kolok, Bihun Belacan, Ayam Pansuh serta lain-lain dan lima usahawan dari negeri Sarawak yang akan berada di MAHA 2022.

Selain itu, pengunjung MAHA 2022 juga bakal dihidangkan 333 menu Makanan Keluarga Malaysia di Kluster Empayar Makanan dan 101 menu di Kluster Food Truck Fiesta. Ini memberi peluang kepada hampir 174 usahawan untuk menyertai ruang perniagaan yang disediakan oleh FAMA sempena MAHA 2022.

MAFI menerusi FAMA melihat pemasaran hasil pertanian secara terus kepada pengguna sebagai satu kaedah mengurangkan kebergantungan pengeluaran kepada orang tengah.

Untuk itu, Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) yang dianjurkan di Dataran Gedong, Sarawak ini memberi ruang kepada pengguna untuk mendapatkan keperluan harian dengan memberi nilai penjimatan kepada pengguna sekurang-kurangnya 5% hingga 10% dari harga pasaran setempat bagi produk terpilih.

“Program ini dapat memendekkan rantaian pemasaran agromakanan bagi memberi harga yang terbaik kepada pengguna. Ini adalah selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri untuk meneruskan konsep Jihad Memerangi Orang Tengah. Ini adalah kerana semua usahawan yang terlibat adalah merupakan pengeluar hasil pertanian itu sendiri.”

Program khas JTDLKM ini merupakan kerjasama lima agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Di antara lokaliti pelaksanaan termasuklah di kawasan perumahan, pejabat kerajaan dan projek-projek peruncitan bimbingan agensi-agensi. Seramai 8,400 orang usahawan terlibat dengan sasaran nilai jualan adalah sebanyak RM10.5 juta.

YBhg. Dato’ Haji Mohamad Mustahapa Bin Awang, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA berkata, “FAMA menyasarkan sebanyak 840 kali penganjuran di 70 lokasi seluruh negara sehingga Disember. Bermula 1 Jun sehingga 10 Julai, sebanyak 362 program telah dilaksanakan dengan nilai jualan terkumpul RM4.88 juta. Melalui penganjuran setakat ini, sebanyak RM488 ribu penjimatan atau pulangan telah diperoleh rakyat di mana memberi manfaat kepada 185 ribu pengunjung.”

Melalui tempoh yang sama juga, JTDLKM telah mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan berjumlah 588 metrik tan (mt) seperti sayur-sayuran (111 mt), buah-buahan (172 mt), ikan (99 mt) dan pelbagai (85 mt). Sebanyak 80,667 ekor ayam telah dijual di sepanjang penganjuran program ini.

Di negeri Sarawak sahaja, JTDLKM telah dianjurkan di lapan lokasi dan pada penganjuran pada hari ini seramai 33 orang usahawan telah turut serta bagi menjayakan program ini.

#####

Disediakan oleh:

Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

16 Julai 2022